

14/09/1999

Pemimpin Apec sepakat kawal spekulator

Khaidir Abdul Majid in Auckland

AUCKLAND, Isnin - Pemimpin forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) mengakhiri mesyuarat mereka di sini hari ini dengan menggesa tindakan diambil untuk membendung kegiatan spekulasi demi mengelak berulangnya krisis mata wang.

Dalam hal itu, forum 21 anggota itu mahu usaha dilaksanakan untuk memastikan bank-bank tidak memberikan pembiayaan yang terlalu tinggi dan berisiko kepada institusi pembiayaan tinggi (HLI), seperti dana lindung nilai dan spekulator mata wang.

Pemimpin Apec juga memperakui bahawa jika masalah ketidaktentuan pasaran tidak ditangani dengan membendung kegiatan spekulasi, negara yang mengenakan kawalan modal seperti Malaysia mungkin terpaksa meneruskan tindakan berkenaannya, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada sidang akhbar untuk wartawan Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri berkata tidak seperti sebelum ini, mesyuarat Apec kali ini sebulat suara dalam menyatakan kebimbangan terhadap HLI dan kegiatan spekulasi pedagang yang kini diakui sebagai satu punca tercetusnya krisis kewangan di beberapa negara anggota Apec.

Beliau menganggap pendirian Apec sekarang sebagai satu kemajuan berbanding keengganan forum itu sebelum ini untuk menyokong usaha bagi membentuk kerangka baru sistem kewangan antarabangsa.

Apec sebelum ini lebih cenderung kepada usaha untuk mengukuhkan sistem kewangan di peringkat kebangsaan seperti meningkatkan mutu pengawalseliaan dan sistem perbankan sesebuah negara, daripada mereformasikan sistem kewangan di peringkat global.

Berikutan perubahan pendirian pada mesyuarat Apec kali ini, Abdullah berkata ia memberi satu kepuasan kepada Malaysia.

Ini adalah kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sejak mulanya tercetus krisis, termasuk pada mesyuarat pemimpin Apec di Vancouver pada 1997 dan Kuala Lumpur tahun lalu, sudah kerap menyuarakan mengenai perlunya kegiatan spekulasi dibendung dalam usaha mencari penyelesaian terhadap krisis mata wang yang dialami.

Deklarasi yang dikeluarkan hari ini selepas mesyuarat pemimpin Apec itu juga menegaskan soal perlunya tindakan terhadap kegiatan spekulasi. Malah deklarasi Auckland menggesa tindakan segera diambil bagi membendung kegiatan HLI.

Pengerusi mesyuarat, Perdana Menteri New Zealand, Jenny Shipley memberitahu sidang akhbar selepas berakhirnya mesyuarat itu, menteri kewangan Apec sudah diarahkan merumus satu standard perbankan antarabangsa.

Standard yang boleh memastikan bahawa bank tidak lagi memberi pembiayaan yang terlalu tinggi kepada kegiatan berisiko tinggi seperti spekulasi mata wang akan dibincangkan pada mesyuarat pemimpin Apec pada masa depan untuk diperakukan dan diamalkan oleh negara anggota.

Selain isu krisis mata wang, mesyuarat pemimpin itu juga meneliti kemajuan terhadap usaha negara anggota dalam memenuhi hasrat Deklarasi di mesyuarat pemimpin Apec di Bogor, Indonesia pada 1994 untuk membuka pasaran menjelang 2010 bagi negara maju dan 2020 bagi negara membangun.

Mesyuarat itu mendapati bahawa meskipun beberapa negara anggota dilanda kegawatan, sasaran di bawah Deklarasi Bogor masih boleh ditepati.

Mengenai mesyuarat peringkat menteri Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) November ini, deklarasi Auckland mencerminkan kehendak Malaysia

supaya perundingan perdagangan pelbagai hala tidak dimulakan di mesyuarat itu di Seattle, Amerika Syarikat, meskipun setengah negara mahukan sedemikian.

Selain Malaysia dan tuan rumah New Zealand, negara Apec turut dianggotai Australia, Brunei Darussalam, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Mexico, Papua New Guinea, Peru, Filipina, Russia, Singapura, Korea Selatan, Taiwan, Thailand, Amerika Syarikat dan Vietnam.

Mesyuarat pemimpin Apec tahun depan akan diadakan di Brunei Darussalam.

(END)